

**PERSEPSI TERHADAP KEHAMILAN REMAJA BAWAH UMUR DI
PENEMPATAN SEMULA SUNGAI ASAP BELAGA KAPIT SARAWAK**

Pises Busu¹, Robinson Brandah², Albeny Joslyn Panting³,
Helmi Sumilan⁴, Mohamad Zaidan Zulkepli³ & Teh Rafidah Kipli⁵

¹Hospital Umum Sarawak

²Pejabat Kesihatan Bahagian Kapit, Sarawak

³Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan

⁴Universiti Malaysia Sarawak

⁵Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

ABSTRAK

Penglibatan remaja dalam perlakuan berisiko yang menjurus kepada kehamilan remaja amat membimbangkan. Masalah kesihatan yang berkaitan dengan kehamilan remaja adalah tekanan darah tinggi, kencing manis, anaemia dan pelbagai komplikasi kelahiran lain. Selain itu, berlaku peningkatan terhadap kes pengguguran janin dan pembuangan bayi. Kajian kualitatif dijalankan di Penempatan Semula Sungai Asap, Belaga Kapit, Sarawak pada 21 sehingga 25 November 2016 dalam kalangan 13 orang remaja (6 lelaki, 7 perempuan) berumur di antara 15 tahun hingga 20 tahun. Kaedah temu bual secara mendalam digunakan untuk mengumpul data berkaitan persepsi mereka terhadap kehamilan remaja menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan dibangunkan berdasarkan tema faktor penyebab remaja terjebak, kesan, faedah dan kaedah menjauhi perlakuan berisiko. Secara keseluruhan, faktor yang menyebabkan terjebaknya remaja kepada tingkah laku berisiko adalah pergaulan bebas, penggunaan media sosial dan pengaruh rakan sebaya. Bagi tema kepercayaan keterukan penyakit, subjek berpendapat bahawa kehamilan memberi kesan fizikal, kesan terhadap mental, pendidikan dan hubungan sosial remaja. Peranan ibu bapa, pihak sekolah dan komuniti setempat merupakan faktor yang boleh menghalang remaja terjebak di dalam tingkahlaku berisiko ini. Remaja berpendapat faedah menjauhi perlakuan berisiko ialah hidup lebih tenang dan cita-cita tercapai serta maruah keluarga terjaga. Kaedah yang boleh membina keyakinan diri adalah berdoa, mendapatkan pandangan dan pengalaman orang lain, mendapat maklumat dari sumber yang betul dan melakukan aktiviti yang sihat. Kajian ini berjaya menyungkil persepsi remaja tentang isu kehamilan remaja. Memperkukuhkan keyakinan sendiri remaja di samping memupuk kaedah-kaedah menjauhi perlakuan berisiko boleh membantu mengurangkan masalah kehamilan remaja.

Kata Kunci: *Kehamilan Remaja, Persepsi, Keyakinan Diri*

ABSTRACT

The involvement of adolescents in risky behaviors that leads to adolescent pregnancies is alarming. High blood pressure, diabetes, anemia and various other birth complications are